

Tandakan dengan **(B)** bagi ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat yang **SALAH**.

BIL	SOALAN	(B) ATAU (S)
1.	Gaya hidup sihat bermaksud cara hidup atau amalan hidup yang mementingkan kesihatan fizikal , mental dan emosi.	
2.	Mengemas katil dan membuang sampah ke dalam tong sampah adalah salah satu cara menjaga kebersihan.	
3.	Membiarkan buku dan alat tulis berselerak boleh membuatkan kita menjamin keselesaan ketika kita belajar.	
4.	Kita mestilah mengamalkan sikap yang mulia di dalam pergaulan seharian di rumah untuk mengekalkan hubungan yang baik sesama ahli keluarga.	
5.	Kata panggilan atau gelaran yang kita gunakan untuk ahli keluarga hendaklah sesuai dan tidak kasar.	
6.	Sikap suka menghina dan merendah-rendahkan ahli keluarga adalah sikap yang baik dan terpuji.	
7.	Ketika makan, kita mestilah gelojoh dan berebut – rebut supaya dapat mengambil makanan dengan banyak.	
8.	Rakan yang baik akan sentiasa menasihati dan boleh dipercayai.	
9.	Sikap memohon maaf atas kesalahan yang dilakukan boleh membawa kebaikan dan keceriaan hidup.	
10.	Berlebihan dalam menghias diri dan berpakaian adalah satu amalan berjimat cermat.	

11.	Menyediakan banyak makanan dan berbelanja secara berlebihan ketika hendak bersungai adalah boleh menjimatkan perbelanjaan.	
12.	Jikalau kita berjimat , hidup kita pasti akan cukup.	
13.	Apabila kita disuruh oleh ayah untuk membersihkan rumah, kita mestilah meminta upah atau bayaran.	
14.	Melengah – lengahkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru boleh membuatkan murid itu berdisiplin.	
15.	Kejujuran adalah sifat yang paling berharga dan perlu ditanam di dalam diri setiap individu.	
16.	Sikap patuh dan taat kepada ibu bapa adalah dituntut oleh agama Islam kerana syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu.	
17.	Anak yang melawan cakap bu bapa adalah anak yang baik dan bertanggungjawab.	
18.	Balasan bagi anak yang derhaka ialah masuk syurga.	
19.	Keluarga adalah amat penting bagi setiap individu kerana kepada merekalah tempat kita mengadu dan mencurahkan kasih sayang.	
20.	Keluarga juga dipanggil musuh dan pemutus silaturahim sesama sanak – saudara.	